

23 SEP 2002

Mahathir-Chirac/I

CHIRAC BERI JAMINAN BANTU SELESAIKAN MASALAH PALESTIN

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

COPENHAGEN, 23 Sept (Bernama) -- Presiden Perancis Jacques Chirac telah memberi jaminan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa beliau akan menggunakan pengaruhnya dan melakukan apa yang beliau mampu untuk mencari penyelesaian berkekalan bagi isu Palestin.

Chirac juga memberitahu Dr Mahathir bahawa beliau turut berkongsi kebimbangan Perdana Menteri mengenai kejadian pengepungan ibu pejabat pemimpin Palestin Yasser Arafat di Tebing Barat dan perlunya campur tangan bagi menamatkan konflik itu.

Jaminan itu disampaikan semasa pertemuan dua hala dengan Dr Mahathir di luar Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) Ke-Empat di sini, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar kepada wartawan mengenai perbincangan empat mata selama 20 minit itu.

Kedua-dua pemimpin itu bersetuju bahawa Israel harus menghentikan pencerobohnya di Tebing Barat dan tindakan ketenteraan berterusan akan hanya mewujudkan lebih ramai pengebom berani mati.

Selain itu, "cubaan menjatuhkan Arafat tidak akan menyelesaikan masalah itu dan apa juga keputusan yang dibuat mengenai kepimpinan Palestin haruslah dibuat oleh penduduk Palestin sendiri dan bukannya dengan memaksa mereka," katanya.

Syed Hamid berkata Dr Mahathir telah meminta Chirac dan negara-negara Eropah menggunakan pengaruh mereka untuk menggesa Amerika Syarikat mencari penyelesaian politik yang berkekalan terhadap konflik Israel-Palestin itu.

Jika tidak, ia akan terus mewujudkan rasa marah dan tidak puas hati di kalangan negara Arab dan umat Islam, katanya.

Komitmen Chirac untuk membantu diterima selepas beberapa hari Perdana Menteri menulis surat kepadanya menggesa para pemimpin Barat untuk campur tangan bagi mengatasi pengepungan ibu pejabat Arafat oleh tentera Israel di Tebing Barat.

Syed Hamid berkata Presiden Perancis itu turut berkongsi kebimbangan Dr Mahathir mengenai isu yang masih belum diselesaikan iaitu menyediakan tanahair untuk rakyat Palestin yang sudah sekian lama menderita.

Katanya Dr Mahathir dan Chirac bersetuju bahawa perlunya penyelesaian politik segera terhadap isu Palestin dan ia tidak harus ditangani sebagai isu keselamatan.

"Membunuh dan menindas penduduk Palestin tidak akan membawa undang-undang dan perintah di Tebing Barat," kata Syed Hamid yang merujuk kepada tindak balas ketenteraan Israel terhadap pengeboman berani mati atas alasan mempertahankan diri.

"Pihak Israel ingat mereka boleh melaksanakan undang-undang dan perintah sebelum satu penyelesaian politik diputuskan," katanya.

Bagaimanapun, Syed Hamid berkata dengan Perancis dan Kesatuan Eropah bersimpati dengan kesengsaraan penduduk Palestin dan menyokong penyelesaian dua negara, ia tidak boleh bertindak bersendirian kerana "hanya pembabitian Amerika Syarikat yang akhirnya dapat membawa kepada mewujudkan tanahair berasingan bagi para penduduk Palestin."

Tanpa campur tangan Amerika Syarikat, penyelesaian mewujudkan negara berasingan bagi penduduk Palestin akan terus menjadi satu mimpi sahaja, katanya.

Malangnya, Syed Hamid berkata Presiden George W. Bush nampaknya terlalu sibuk dengan pilihan raya tempatan untuk memberi tumpuan penuh kepada penyelesaian mengasingkan dua negara itu.

Syed Hamid juga berkata bahawa Israel mengambil kesempatan daripada kelekaan Washington dengan isu Iraq untuk terus menekan penduduk Palestin dan Arafat.

Beliau berkata kedua-dua pemimpin itu turut menyambut baik persetujuan Iraq membenarkan pemeriksaan senjata Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) memasuki negaranya tanpa syarat untuk memastikan sama ada terdapat senjata yang boleh membawa kemusnahan besar seperti yang didakwa Washington.

Syed Hamid berkata Chirac menyokong penuh penyelesaian pelbagai hala menerusi PBB dan Amerika Syarikat harus dihalang daripada melaksanakan tindakan secara bersendirian.

"Tidak ada jalan pintas dan tindakan secara bersendirian itu tidak boleh diterima dalam menyelesaikan isu itu dan mewujudkan orde dunia yang lebih baik, sebaliknya ia akan hanya menambahkan rasa marah negara-negara Arab dan umat Islam," katanya.

Syed Hamid berkata: "Peperangan tidak akan menyelesaikan konflik itu, tetapi akan menjejaskan kawasan berkenaan, bahawa (peperangan) akan menjadi 'pengerahan' untuk bakal penganas."

Beliau berkata usaha memerangi keganasan akan terjejas berikutan rasa tidak adil dan memilih serta tidak diberi layanan adil dalam menangani isu-isu umat Islam dan isu di Asia Barat.

"Secara umumnya, Dr Mahathir dan Chirac mempunyai pendapat yang serupa mengenai perlunya menyelesaikan konflik itu menerusi PBB," kata Syed Hamid.

Para pemimpin itu bersetuju bahawa Israel perlu dipastikan mematuhi resolusi PBB dan menamatkan pencerobohnya serta mencari penyelesaian politik dengan penduduk Palestin.

Ditanya mengenai hasil dialog ASEM mengenai keganasan pagi ini, Syed Hamid berkata Dr Mahathir yang meminta supaya perkataan Deklarasi Copenhagen ASEM menentang Keganasan Antarabangsa yang dikeluarkan hari ini memasukkan "mengambil kira punca-punca yang menyebabkan keganasan."

Mengenai laporan bahawa para pemimpin Asia berminat menggunakan euro sebagai alternatif kepada dolar AS dalam perdagangan antarabangsa, Syed Hamid berkata Dr Mahathir jugalah yang membangkitkan perkara itu dan meminta perlunya mengkaji implikasi menggunakan matawang tunggal Eropah dalam usaha mengurangkan kerentanan negara-negara membangun yang bergantung penuh kepada matawang Amerika.

-- BERNAMA

MR AFY NAK